

22 JUL 1997

PM: PERTIKAIAN ANTARA EKTRAN DAN ABB BOLEH DISELESARIAKN

PETALING JAYA, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa tiada pertikaian berlaku dalam projek empangan hidro elektrik Bakun yang berharga RM15.5 bilion dan projek itu akan berjalan seperti yang dirancangkan.

Beliau berkata pertikaian antara pihak pemaju, Ekran Bhd, dan kontraktor, Asea Brown Boveri, berhubung kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (KPP) boleh diatasi.

"Tiada pertikaian mengenai Bakun...projek itu akan tetap dijalankan," katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah petang ini sekembalinya dari percutian sambil bekerja selama dua bulan.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas kenyataan yang dibuat oleh timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim Selasa lalu bahawa terdapat perselisihan pendapat antara pihak-pihak yang terbabit berhubung KPP yang mungkin melengahkan projek itu.

Akibatnya, Anwar telah mengarahkan menteri tenaga, telekom dan pos, Datuk Leo Moggie bagi membantu pihak yang berkenaan mengatasi perkara itu. Pihak-pihak tersebut dijangka mengadakan perbincangan esok.

Dr Mahathir berkata: "Ada orang mungkin tidak berpuas hati...(mereka mungkin) mempunyai pendapat peribadi tentang sesuatu perkara tertentu, tetapi kita akan atasi ini."

Katanya Bakun adalah sebuah projek nasional dan kerajaan tidak akan membiarkan "pendapat peribadi atau ketidak puasan menjadi penghalang kepada sebuah projek yang amat penting kepada negara.

"Semua kontrak boleh menimbulkan pertikaian...ia boleh diatasi. Kita telahpun mengatasi banyak masalah," kata perdana menteri.

Terdapat spekulasi bahawa Ekran mahukan kontrak-kontrak pembinaan Bakun diberikan kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya atau yang disyorkannya manakala ABB, kumpulan kejuruteraan Switzerland-Sweden mahu diadakan tender terbuka. -- BERNAMA

JR SHY MA